

# Mahathir bincang dengan PM Croatia

**K**UALA LUMPUR 16 Jan. — Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Croatia, Nikica Valentic mengadakan perbincangan mengenai beberapa perkara berbangkit berhubung penubuhan konsortium Malaysia, Croatia dan Bosnia Herzegovina.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar berkata, dalam pertemuan

itu kedua-dua Perdana Menteri telah berbincang secara terperinci berhubung konsortium tersebut sebelum kunjungan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz ke Zagreb tidak lama lagi.

Katanya, perbincangan itu adalah lanjutan daripada pertemuan kedua-dua pemimpin tersebut di Zagreb pada Disember lalu.

“Konsortium itu yang dianjurkan oleh Malaysia

bertujuan melibatkan ketiga-tiga negara dalam projek-projek antarabangsa terutamanya di Asia Tenggara,” katanya kepada pemberita selepas pertemuan Dr. Mahathir dan Valentic, di sini, malam ini.

Konsortium yang dipersetujui penubuhannya oleh kerajaan Croatia dan Bosnia, bukan sahaja membantu syarikat-syarikat kedua negara meneruskan operasi mereka semasa peperangan teta-

pi juga membuka jalan kepada syarikat-syarikat Malaysia bertapak di rantau Balkan itu sebaik sahaja proses damai bermula kelak.

Ahmad Kamil berkata, kedua-dua pemimpin juga mengadakan perbincangan berhubung pengunduran tentera Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dari Zagreb pada 31 Mac ini.

“Valentic juga menearangkan kepada Dr. Mahathir berhubung situasi di

Croatia dan Bosnia Herzegovina kini. Kita juga berbincang berhubung langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah di bekas republik Balkan itu,” katanya.

Valentic yang dalam perjalanan pulang ke Zagreb selepas mengadakan lawatan ke Indonesia singgah di Kuala Lumpur bagi mengadakan perbincangan dengan Dr. Mahathir.